



**BUTIR-BUTIR MESYUARAT YANG KEDUA
BAGI PENGGAL YANG KEEMPAT DEWAN UNDANGAN
NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT YANG TELAH DIADAKAN
PADA 29HB. OGOS, 1977.**

BIL: DUN/PP/349

MESYUARAT YANG KEDUA BAGI PENGKAL YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT
YANG AKAN DIADAKAN PADA HARI ISNIN, 29HB. OGOS, 1977
JAM 9.30 PAGI DI DEWAN UNDANGAN NEGERI, LEBUH LIGHT,
PULAU PINANG

SUSUNAN URUSAN MESYUARAT

1. Doa.
2. Mengangkat Sumpah oleh Y.B. Encik Abdul Rahman bin Haji Abbas di bawah Atikel 21 Perlembagaan Pulau Pinang.
3. **Membentangkan Risalah-Risalah**
Bil: 5 Tahun 1977 — Anggaran Tambahan Yang Kedua bagi tahun 1977.
4. **Soalan-Soalan**

(A) (Soalan-soalan Mulut):

(I) Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bahawa dari \$1,311 juta yang diminta daripada Kerajaan Pusat bagi Rancangan Malaysia Ketiga, berapakah yang telah diberi oleh Kerajaan Pusat hingga sekarang?
2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini apakah satu rancangan besar Kerajaan Negeri untuk sektor pertanian di dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang telah berlarutan hampir 1½ tahun?
3. Adakah Kerajaan sedar bahawa ada beratus-ratus ekar tanah sawah di Guar Perahu, Permatang Pasir, Permatang Pauh, Kampong Pertama dan Kampong Setol, Prai tidak dapat dikerjakan oleh petani-petani disebabkan:-

(i) Kekurangan air dari taliair.

(ii) Serangan tikus.

(iii) Penindasan daripada tuan-tuan punya tanah.

Jika sedar, apakah langkah-langkah Kerajaan bagi mengatasi masalah-masalah yang tersebut diatas?

4. Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, 7 buah projek perumahan akan dibina mengikut jadual-jadual yang tertentu dan ditetapkan menelan belanja hampir-hampir \$34,442 juta. Bagi permulaannya, 2,264 yunit akan dibina. Bolehkah Y.A.B Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah tarikhnya projek-projek yang berikut hendak dimulakan:-

- (i) Projek di Bagan Ajam, Seberang Perai Utara.
- (ii) Projek di Kampong Baharu, Alma, Seberang Perai Tengah.
- (iii) Projek di Kampong Tebu, Seberang Perai Selatan.

5. Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengtarkan dan mengingikan taraf jalan-jalan kampung di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dengan kerjasama J.K.R. seperti jalan-jalan yang berikut:-

- (i) Jalan Haji Murshid di Pekan Darat
- (ii) Jalan Permatang Che Tak di Sungei Dua
- (iii) Jalan ke Sekolah Permatang Sintok, Kepala Batas

(II) Y.B. Encik Shamsuddin @ Md. Noor bin Ahmad bertanya kepada Ketua Menteri:-

- 1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini adakah pelarian rakyat dari negara Vietnam telah masuk ke Negeri Pulau Pinang?
- 2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada Kerajaan Negeri akan menambah lagi Biasiswa-Biasiswa kepada penuntut-penuntut pengajian tinggi Islam di Universiti-Universiti di Negara ini dan di luar negeri?
- 3. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada Kerajaan Negeri akan mengeluarkan Majallah Suara Pulau Pinang untuk disebarkan kepada orangramai di negeri ini dengan tujuan menerangkan dasar-dasar Kerajaan kepada rakyat?
- 4. Adakah Kerajaan Negeri bercadang akan membina semula bangunan Rumah Negeri Pulau Pinang di Kuala Lumpur untuk disesuaikan dengan tarafnya sebagai **RUMAH NEGERI PULAU PINANG?**

(III) Y.B. Encik Wong Choong Woh bertanya kepada Ketua Menteri:-

- 1. Adakah Kerajaan mengetahui yang banjir adalah satu bencana tahunan di Jalan Sungai Pinang, Jalan Maqbul dan lain-lain kawasan yang rendah di sekitar kawasan ini? Jika sekiranya Kerajaan mengetahui akan keadaan ini, apakah langkah-langkah ataupun rancangan (jika ada) yang telah diambil atau yang akan diambil sebagai solusi jangka panjang untuk mengelakkan banjir di kawasan kawasan ini?

2. Walaupun terdapat jalan-jalan persendirian yang telah diambilalih oleh Kerajaan Negeri, tetapi jalan-jalan ini tidak diselenggarakan oleh Kerajaan. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberi keterangan mengenai perkara ini?
3. Bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberitahu Dewan ini setakat manakah Undang-Undang Kecil Bangunan yang ketat yang ada sekarang ini dilonggarkan supaya menarik pemaju-pemaju swasta menyertai di dalam rancangan perumahan harga murah khususnya bagi golongan yang berpendapatan rendah?
4. (i) Bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberitahu Dewan akan kejayaannya setakat ini dalam usaha-usahanya meminta kelulusan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan Rancangan Dokumentasi Pelancungan yang telah dicadangkan?
- (ii) Jika adalah tidak terlalu awal, bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberi pendapatnya pada masa ini kepada Dewan samada Kerajaan Persekutuan melayan dengan baik akan permintaan Kerajaan Negeri ini?

(IV) Y.B. Encik Ong Yi How bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. Memandangkan kepada pembangunan Seberang Perai yang pesat, Majlis Perbandaran Seberang Perai tidak mampu memberi perkhidmatan yang mencukupi kepada rakyat disebabkan kekurangan kumpulanwang untuk menambahkan bilangan kakitangannya. Bolehkah Kerajaan Negeri menimbangkan untuk memberi satu bantuan khas atau lain-lain bantuan wang kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai supaya dapatlah mereka memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat?
2. Bolehkah Kerajaan memanjangkan tempoh perlantikan ahli-ahli Majlis Perbandaran di dalam negeri kita kepada tempoh selama tiga tahun supaya memberi keyakinan kepada ahli-ahli untuk memainkan peranan dan menjalankan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan?
3. Adakah Kerajaan Negeri akan menubuhkan satu jawatankuasa untuk membantu Majlis-Majlis Perbandaran menjalankan kewajipan dan tanggungjawab mereka? Sekiranya ada, sila beri nama Jawatankuasa tersebut serta ahli-ahlinya dan juga menerangkan fungsinya.
4. Oleh kerana semua jalanraya di Butterworth telah menjadi terlalu sesak untuk orangramai khususnya dalam masa cuti sekolah dan masa cuti umum, bolehkah Kerajaan mengadakan satu kajian atas sistem terafik di Butterworth untuk mengurangkan kesesakan terafik dan kemalangan jalanraya?
5. Bolehkah Kerajaan mengadakan satu rancangan untuk memperbaiki Jalan Kampong Benggali di Butterworth yang telah menjadi sempit akibat perniagaan di jalan tersebut yang telah berlipat ganda?

6. Adakah Kerajaan sedar bahawa masalah pembuangan sampah telah bertambah serius di Butterworth disebabkan pertambahan penduduk di Butterworth? Jika sedar, bolehkah Kerajaan Negeri memberi bantuan kepada M.P.S.P. membina sebuah rumah pembakaran sampah (incinerator) atau membeli lebih banyak lori bagi membuang sampah untuk mengatasi masalah tersebut?
7. Oleh kerana kemajuan perumahan dalam sektor swasta telah kian bertambah pesat di Butterworth, bolehkah Kerajaan mengarahkan Pegawai Perancang Negeri menyediakan rancangan zon atau rancangan zon semula (zoning or rezoning plans) untuk Butterworth, bagi membolehkan pembangunan di Butterworth dijalankan dengan gangguan yang minima?
8. Oleh kerana timbul perbedaan di antara tugas dan tanggungjawab yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada M.P.P.P. dan M.P.S.P., umpamanya pehak berkuasa jalan dan parit, bolehkah Kerajaan Negeri menimbangkan perkara ini semula supaya kedua-dua Majlis Perbandaran di Negeri kita dapat memainkan peranan yang sama?
9. Oleh kerana 'cycle track' di Jalan Raja Uda, Butterworth telah siap, adakah Kerajaan menimbang untuk membolehkan penunggang-penunggang basikal menggunakan 'track' tersebut dengan sepenuhnya seperti mengadakan tanda-tanda terafik dan dua garisan putih di jalan, supaya orang ramai tidak akan menghalang penggunaan 'track' tersebut?
10. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu kepada Dewan apakah kemajuan perundingan di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat untuk menubuhkan satu Pusat Membeli-belah tanpa cukai di Pulau Pinang?
11. Adakah apa-apa perundingan di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat untuk pengeluaran 'bond' atau 'debenture' bagi membolehkan negeri kita menambahkan kumpulanwang untuk projek-projek di Pulau Pinang?
Jika ada, bolehkah Kerajaan menerangkan keputusan hasil dari perundingan tersebut?
12. Sila beri jumlah anggaran kos untuk pembangunan peringkat 1-B di Komtar. Bagaimanakah Kerajaan melalui agensinya menambahkan kumpulanwang untuk projek tersebut? Adakah terdapat apa-apa masalah atau kerumitan dalam pelaksanaan projek itu? Jika ada, bolehkah Kerajaan menerangkan kepada Dewan masalah yang dihadapi oleh P.P.P.P. dalam pelaksanaan projek tersebut?
13. (i) Apakah sebabnya kelambatan pelaksanaan rancangan perumahan murah di Bagan Ajam dan Jalan Mohd. Saad?
(ii) Bilakah tender bagi kedua-dua projek perumahan ini akan dipanggil?

14. Berapakah tender telah dipanggil untuk pembinaan rancangan perumahan murah di Negeri kita setakat ini? Sila nyatakan kawasan-kawasan perumahan tersebut. Berapakah tender yang akan dipanggil untuk rancangan-rancangan tersebut pada tahun ini dan juga pada tahun 1978?
15. Dalam ucapan TYT sempena dengan Mesyuarat Dewan pada bulan Mei, 1977, TYT Yang di-Pertua Negeri telah menyatakan bahawa "menjelang akhir tahun ini, 2,327 yunit rumah akan siap untuk diduduki". Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mencapai matlamat ini? Adakah bilangan 2,327 yunit rumah itu termasuk rancangan perumahan yang dilaksanakan oleh P.P.P.P.? Jika ada, bolehkah Kerajaan memberi bilangan yunit perumahan yang dilaksanakan oleh P.P.P.P. dan perumahan murah oleh Jabatan Perumahan Negeri termasuk rumah-rumah peralihan?
16. Bilakah Kerajaan Negeri kita akan menguatkuasakan Akta Perancangan Bandar dan Desa dan juga Akta Jalan, Parit dan Bangunan yang akan memberi kuasa yang lebih kepada Majlis Perbandaran untuk mengawal dan merancang pembangunan di Negeri kita?
17. Adakah kemajuan dibuat oleh Kerajaan untuk menukar Pusat Latihan kepada Polyteknik Negeri mengikut lapuran P.P.P.P. dalam tahun 1974? Adakah tapak telah dikhaskan untuk projek tersebut? Jika ada, sila terangkan dimanakah tapak itu?
18. Akibat kegiatan kongsi gelap yang kian bertambah, perompakan dan penculikan telah berlaku di Negeri kita. Adakah Kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak Polis mengambil langkah untuk membasmi-kan kegiatan tersebut?
19. Bilakah penubuhan Pemadam Negeri akan dilancarkan dengan resminya dan apakah bantuan yang diberi oleh Kerajaan Negeri terhadap penubuhan tersebut di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah?
20. Adakah Kerajaan Negeri akan membeli Buku Rancangan Malaysia yang Ketiga dan diedarkan kepada semua Ahli di Dewan ini supaya semua Ahli di Dewan ini akan memahami butir-butir di dalam Rancangan Malaysia Ketiga?

(V) Y.B. Encik Ng Swee Ching bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. (a) Adakah Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri dilantik secara terus untuk yang ahli Jawatankuasa Haiwan?
- (b) Jika begitu, mengapakah di kawasan Seberang Perai Selatan, hanya dua daripada tiga orang Ahli Dewan Undangan Negeri sahaja yang telah dilantik?
- (c) Jika tidak, siapakah pihak yang melantik ahli-ahli jawatankuasa ini?
- (d) Adakah pihak Kerajaan kita sedar bahawa ada ahli jawatankuasa yang tidak menghadiri mesyuarat tersebut?

(VI) Y.B. Encik Abdul Rahman bin Hj. Abbas bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar nama 'Yang di-Pertua' untuk Pengerusi bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak sesuai dan mengelirukan? Jika sedar, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini nama yang lain, yang lebih sesuai, akan diberikan kepada jawatan yang tersebut?

(VII) Y.B. Encik Abdullah bin Mohamad @ Mahmud bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mencadangkan bahawa tiap-tiap kawasan Negeri hendak membina rumah-rumah murah peralihan:
 - (a) Bilakah rancangan ini hendak dijalankan?
 - (b) Berapakah harganya yang telah ditetapkan?
 - (c) Bagaimanakah cara pembayarannya dilakukan oleh pemohon-pemohon rumah yang berjaya?
2. Adalah difahamkan bahawa sebuah ladang getah Bukit Langkap 6 batu daripada pekan Bukit Mertajam telah dipecah-pecah dan telah dijual. Hasil daripada penjualan ini, maka 85 orang pekerja telah kehilangan pekerjaannya dan mendapat sebulan notis berhenti kerja:
 - (a) Apakah tindakan Kerajaan yang telah diambil bagi menolong mereka-mereka dalam masalah kehilangan pekerjaan samada untuk mendapat kembali pekerjaan atau pekerjaan baharu di ladang yang tersebut.
 - (b) Adakah pembayaran saguhati dibayar kepada mereka-mereka yang telah diberhentikan kerja dengan notis sebulan tanpa syarat?
 - (c) Adakah tempat gantian untuk menempatkan pekerja-pekerja yang telah disuruh keluar dari ladang tersebut?
 - (d) Adakah pihak majikan ladang memberikan tempat kediaman kepada pekerja-pekerja yang telah mendirikan rumah-rumah sendiri di atas ladang tersebut?

(B) (Soalan-Soalan Bertulis):

(I) Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberi jaminan bahawa 80% daripada 400 yunit rumah pangsa yang akan dibina di Kawasan Kampong Contoh tepi laut Bagan Ajam akan diuntukkan kepada penduduk-penduduk kawasan ini yang mana 98% daripada mereka terdiri daripada orang Melayu yang bekerja sebagai nelayan dan buruh kasar?

2. (a) Bolehkah Kerajaan memperbesarkan dan memperbaiki jalan dari Balai Maklum Lama sepanjang $3\frac{1}{2}$ batu hingga ke Permatang Binjai kerana jalan itu terlalu sempit dan dibiarkan dalam keadaan buruk?
- (b) Bolehkah Kerajaan memperbesarkan titi di persimpangan Permatang Binjai dan Jalan Besar Butterworth ke Alor Setar kerana titi itu sangat sempit dan kerap berlaku kemalangan?
3. Adakah pihak pentadbiran perumahan Negeri sedar akan penderitaan penghuni-penghuni rumah murah di Taman Melati, Telok Ayer Tawar, Kepala Batas kerana jalan simen seluas 2' x 2' yang dibina telah pecah dan tong-tong sampah telah rosak? Jika sedar, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menghubungi pihak-pihak yang terlibat untuk mengatasi hal ini?

(II) Y.B. Encik Shamsuddin @ Md. Noor bin Ahmad bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. Sepertimana Y.A.B. Ketua Menteri sedia maklum, Y.B. Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-Kemudahan Malaysia telah membuat lawatan untuk melihat sendiri project jalanraya dari Kampong Tok Bidor ke Kampong Selamat. Bilakah projek jalan tersebut akan mula dilaksanakan?
2. Bilakah projek memperbaiki jalan masuk ke rumah pam Pinang Tunggal akan mula dikerjakan?
3. Bilakah projek membina parit taliair di Kubang Menerong dan kawasan-kawasan di sekitarnya akan mula dilaksanakan?
4. Bilakah projek mendirikan Dewan Orangramai di Tasek Gelugor akan dilaksanakan?
5. Bilakah perbekalan pondok talipon akan mula dipasangkan di tempat-tempat seperti berikut:-
 - (a) Pokok Tampang
 - (b) Pokok Macang
 - (c) Kampong Selamat kawasan Melayu

(III) Y.B. Encik Oh Teck Aun bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. (a) Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa lampu isyarat di simpang Jalan Stesyen dan Jalan Besar, Bukit Mertajam sudah rosak selama 3 bulan?
- (b) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk membaiki lampu isyarat tersebut?

(IV) Y.B. Encik Ong Yi How bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. Sila beri satu senarai menerangkan sektor-sektor Rukun Tetangga yang telah ditubuh serta sektor-sektor yang akan diadakan dalam tahun ini.
2. Dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri pada bulan September, 1976, Dewan telah meluluskan tiga Rang Undang-Undang untuk membolehkan Kerajaan Negeri meminjam tidak lebih dari \$200 juta untuk rancangan-rancangan pembangunan kita. Bolehkah Kerajaan Negeri memberitahu Dewan ini berapakah telah dipinjam sehingga hari ini mengikut Rang Undang-Undang tersebut? Sila juga beri butir-butir yang berikut:-
 - (a) Sumber-sumber pinjaman dan berapa dipinjam dari setiap sumber
 - (b) Syarat-syarat untuk pembayaran pinjaman itu
 - (c) Kadar-kadar faedah untuk setiap pinjaman itu
3. Adakah bantuan kewangan yang telah diberi kepada Negeri kita dalam tahun ini untuk pembangunan dan perlaksanaan rancangan-rancangan? Sekiranya ada bantuan, sila beri butir-butir yang berikut:-
 - (a) Berapakah telah diperuntukkan kepada P.P.P.P. untuk pembangunan rancangan-rancangan perusahaan dan perumahan?
 - (b) Berapakah telah diperuntukkan untuk Pembinaan jalan-jalan dari lapangan terbang ke George Town?
 - (c) Berapakah telah diperuntukkan untuk pengambilan tanah dan reklamasi tanah?
4. Bagaimanakah kemajuan pembinaan Empangan Perai? Apakah tujuannya rancangan ini? Sekiranya rancangan ini dilaksanakan, berapakah penyewa (ground tenant) akan terlibat?
5. Benarkah P.P.P.P. akan mengadakan satu usaha bersama dengan sektor swasta untuk menubuhkan satu syarikat bas? Jika benar, sila beri butir-butir berikut:-
 - (a) Nama syarikat tersebut dan perjalanan (route) yang akan "dijalan" oleh syarikat itu.
 - (b) Peratusan saham yang dimiliki oleh P.P.P.P. dalam syarikat tersebut.

(V) Y.B. Encik Ng Swee Ching bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. (a) Adakah Kerajaan Negeri sedar akan keadaan feri yang menyeberangi Bagan Bukit Tambun ke Batu Kawan itu sungguh tidak memuaskan?
- (b) Jika sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membaikinya?

- (c) Adakah Kerajaan Negeri berura-ura hendak membina sebuah jambatan untuk menyeberanginya?
 - (d) Jika ada, bilakah projek itu akan dilaksanakan?
 - (e) Jika projek ini dilaksanakan, adakah Pihak Kerajaan Negeri kita akan membiayai sendiri ataupun pihak Ladang Batu Kawan akan menanggung sebahagian kos?
 - (f) Sudahkah Kerajaan Negeri menganggarkan peruntukan perbelanjaan bagi projek tersebut?
 - (g) Jika ada, sila umumkan anggaran bagi projek tersebut.
2. (a) Semasa dharurat dalam tahun lima puluhan, ramai penduduk-penduduk telah ditempatkan semula di beberapa perkampungan baru dan mereka-mereka ini telah diberikan tanah untuk tapak rumah dan juga untuk bercucuk tanam. Adakah pemberian tanah-tanah itu sementara atau tetap?
 - (b) Jika tetap, mengapakah tidak dikeluarkan geran hakmilik pada masa itu?
 - (c) Saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri telah pun mengeluarkan geran-geran hakmilik untuknya. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu kepada Dewan bahawa nilai tanah berkenaan itu mengikut nilai tahun berapa?
 - (d) Mengikut kadar bayaran hasil geran pada masa sekarang, ramai di antara tuan-tuan tanah tidak mampu membayarnya. Oleh itu, adakah Kerajaan Negeri akan mengambil langkah untuk menimbangkan perkara tersebut? Bolehkah Kerajaan membenarkan mereka itu membayar secara beransur-ansur?

(VI) Y.B. Encik Lim Heng Tee bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. Adakah Pihak Berkuasa Negeri mempunyai kakitangan-kakitangan yang mencukupi untuk menjalankan semua projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga?
Jika tidak, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menentukan kejayaan perlaksanaan projek-projek itu?
2. Memandangkan banyak projek-projek perumahan yang akan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam beberapa tahun yang akan datang, adakah Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk menubuhkan suatu Pihak Berkuasa Perumahan ataupun satu Lembaga Perumahan yang akan dapat membekalkan kakitangan-kakitangan dan pengurusan yang perlu bagi semua rancangan perumahan Kerajaan Negeri?
3. Satu rombongan pakar dari Jepun telah membuat suatu kajian atas sistem parit dan pengaliran di Seberang Perai beberapa bulan yang lalu dengan tujuan memperbaiki sistem pengaliran pada keseluruhannya. Apakah hasil daripada kajian tersebut?

4. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini:-

- (i) Apakah jabatan-jabatan/badan berkanun yang bertanggungjawab untuk memasang dan menyelenggarakan lampu-lampu isyarat lalulintas dan lampu-lampu jalan?

5. Bolehkan YAB Ketua Menteri memberitahu kepada Dewan apakah perkembangan yang telah dicapai dalam pencariannya untuk suatu tapak pembuangan sampah untuk menggantikan tempat yang sedia ada di Bukit Kecil, Bukit Mertajam pada masa sekarang sejak Mesyuarat Dewan yang telah berlangsung pada bulan Mei, 1977?

(VII) Y.B. Encik Abdul Rahman bin Haji Abbas bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. (a) Berapakah bilangan tanah Kerajaan yang telah diberi Lesen T.O.L. oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam sesuatu daerah mengikut kaum?

(b) Berapakah bilangan tanah-tanah tersebut telah diberi hakmilik kepada penghuni-penghuninya mengikut bilangan bagi tiap-tiap kaum?

2. (a) Berapa yunitkah rumah pangsa yang hampir siap dibina di Kampong Melayu dan berapakah bilangan pemohon-pemohon yang telah diterima mengikut bilangan bagi tiap-tiap kaum?

(b) Bagaimanakah cara-cara peruntukan rumah-rumah tersebut akan dijalankan dan bagaimana dan berapakah bayaran-bayarannya yang akan dikenakan bagi tiap-tiap sebuah yunit?

(VIII) Y.B. Encik Tan Gim Hwa bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. Pada awal tahun ini, P.P.P.P. telah menjemput orangramai membuat permohonan untuk mendapatkan rumah-rumah di dalam berbagai-bagai projek perumahan yang dilaksanakan oleh P.P.P.P. Berhubung dengan perkara ini, bolehkah YAB Ketua Menteri memberitahu kepada Dewan:-

(a) Jumlah permohonan yang telah diterima bagi tiap-tiap jenis rumah itu?

(b) Jumlah wang cengkeram yang telah diterima daripada pemohon-pemohon?

(c) Berapa ramai pemohon-pemohon yang telah berjaya?

(d) Adakah wang cengkeram dikembalikan kepada pemohon-pemohon yang tidak berjaya? Kalau tidak, mengapa?

2. Bolehkah YAB Ketua Menteri memberitahu kepada Dewan:-
 - (a) Bilakah Syarikat Panelex Sdn. Bhd. (satu usaha bersama di antara P.P.P.P. dengan sektor swasta Australia) pertama kalinya ditubuhkan?
 - (b) Bagaimanakah penyertaan ekuiti permulaan sektor swasta Australia itu dan bagaimanakah pemegangan saham-saham mereka dalam syarikat itu sekarang? Sekiranya ada apa-apa perubahan, sila beritahu sebab-sebab yang berkaitan dengan perubahan itu.
 - (c) Berapakah kerugian yang telah dialami setakat ini?
3. Bolehkah YAB Ketua Menteri memberitahu kepada Dewan:-
 - (a) Jumlah hutang yang telah ditanggung oleh P.P.P.P. seperti mana pada 30hb. Jun, 1977.
 - (b) Butir-butir lanjut mengenai hutang-hutang itu, termasuk pinjaman-pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan bank perdagangan,
 - (c) Jumlah bunga tahunan yang berulang yang kena dibayar oleh P.P.P.P. terhadap pinjaman-pinjaman itu dan berapakah bayaran pokok yang akan dibuat tiap-tiap tahun?
 - (d) Kemampuan P.P.P.P. untuk menunaikan pembayaran ini dan dari manakah punca wang diperolehi oleh P.P.P.P. bagi melepaskan tanggungan itu.
4. Bolehkah YAB Ketua Menteri memberitahu kepada Dewan jumlah pekerja-pekerja baru yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang semenjak tahun 1974 hingga sekarang dan juga berikan angka perbandingan mengikut bangsa.

(IX) Y.B. Encik Abdullah bin Mohamed @ Mahmud bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. Adakah difahamkan bahawa kelulusan telah dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi membina parit-parit simen dalam pekan kecil Padang Menora Seberang Perai Utara. Bolehkah YAB Ketua Menteri memberitahu kepada Dewan bilakah pembinaan tersebut hendak dijalankan?
2. Adakah Kerajaan sedar bahawa hasil daripada pembakaran minyak tar oleh Syarikat Shell di Station Kubang Ulu (Penanti) Bukit Mertajam, asap berkepul-kepul masuk ke Sekolah Ugama Rakyat Manabil Ulum, Penanti dan juga kawasan di sekitarnya? Kalau sedar, apakah tindakan yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah pencemaran udara ini?

3. (a) Siapakah yang memungut sewa daripada peniaga-peniaga kecil di pasar-pasar malam di Pulau Pinang dan Seberang Perai yang menjalankan perniagaan mereka di tepi-tepi jalanraya atas tanah Kerajaan dan di petak-petakan?
- (b) Adakah pemungut-pemungut sewa ini telah mendapat kebenaran daripada Kerajaan?
- (c) Berapakah hasil yang telah dipungut sekarang dan apakah kegunaannya?

(X) Y.B. Encik Yahaya bin Haji Mohamed Yusoff bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. (a) Adakah pihak Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang telah berikhtiar untuk membantu pesawah-pesawah padi di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang supaya mereka dapat membersihkan sawah dengan alat-alat yang moden?
- (b) Bolehkah Jabatan Pertanian Negeri memberi bantuan subsidi dengan cara memberi dua atau tiga buah trektar kepada pesawah-pesawah padi di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang, khususnya di Mukim C, D dan H, kerana kekurangan tenaga pekerja?
- (c) Jika tidak boleh, apakah sebabnya?

5. Rang Undang-Undang

- (1) Enakmen Peruntukan Di Raja (Pindaan) (Pulau Pinang), 1977.
- (2) Enakmen Perbekalan Tambahan (1977) (No: 2), 1977.

6. Pemilihan Senator

(Lihat Atikal-Atikal 45, 47, 48 dan Jadual Ke-7 Pelembagaan Persekutuan-Salinan-salinannya disertakan di Lampiran 'A' dan 'B'. Satu kekosongan akan wujud disebabkan tempuh jawatan Y.B. Encik Oh Siew Aun, PKT., JP. akan mengakhiri pada 27hb. September, 1977).

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**45. Keanggotaan Dewan Negara**

(1) Tertakluk kepada Fasal (4), Dewan Negara hendaklah mengandungi ahli-ahli yang dipilih dan dilantik seperti berikut:-

- (a) dua orang ahli bagi tiap-tiap satu Negeri hendaklah dipilih mengikut Jadual Ketujuh; dan
- (b) tiga puluh dua orang ahli hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

(2) Ahli-Ahli yang akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong ialah orang-orang yang pada pendapatnya telah berbuat jasa chemerlang dalam perkhidmatan awam atau telah mencapai kepujian dalam lapangan profesyen, perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan atau perkhidmatan masyarakat atau yang mewakili kaum-kaum yang kecil bilangannya atau yang mempunyai kebolehan mewakili kepentingan orang-orang asli.

(3) Tertakluk kepada peruntukan Jadual Ketujuh, tempoh jawatan seseorang ahli Dewan Negara ialah enam tahun dan tempoh itu tidaklah tercacat oleh pembubaran Parlimen.

(4) Parlimen boleh dengan undang-undang:-

- (a) menambah bilangan ahli-ahli yang akan dipilih bagi tiap-tiap satu Negeri hingga tiga orang;
- (b) membuat peruntukan supaya ahli-ahli yang akan dipilih bagi tiap-tiap satu Negeri dipilih dengan undi terus oleh pemilih-pemilih Negeri itu;
- (c) mengurangkan bilangan ahli-ahli yang dilantik atau menghapuskan ahli-ahli yang dilantik.

47. Kelayakan menjadi ahli Parlimen

Tiap-tiap warganegara yang bermastuatin di Persekutuan adalah layak menjadi:-

- (a) ahli Dewan Negara, jika ia berumur tidak kurang daripada tiga puluh tahun;
- (b) ahli Dewan Rakyat, jika ia berumur tidak kurang daripada dua puluh satu tahun.

melainkan jika ia adalah hilang-kelayakan menjadi ahli menurut Perlembagaan ini atau menurut mana-mana undang-undang yang dibuat menurut Perkara 48.

48. Hilang-kelayakan menjadi ahli Parlimen

(1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara ini, seseorang adalah hilang-kelayakan menjadi ahli mana-mana Majlis Parlimen jika:-

- (a) ia adalah dan telah didapati atau diisytiharkan sebagai seorang yang tidak sempurna akal; atau
- (b) ia seorang bankrap yang belum dilepaskan; atau
- (c) ia memegang sesuatu jawatan berpendapatan; atau
- (d) setelah dimanakan untuk pilihanraya bagi mana-mana Majlis Parlimen atau bagi Dewan Negeri, atau setelah bertugas sebagai ejen pilihanraya bagi seseorang yang dinamakan sedemikian, ia tidak menghantar apa-apa penyata perbelanjaan pilihanraya yang dikehendaki oleh undang-undang dalam masa dan mengikut cara yang dikehendaki atau
- (e) ia telah disabitkan suatu kesalahan oleh sesuatu mahkamah di Persekutuan (atau, sebelum Hari Malaysia, di wilayah-wilayah yang terkandung dalam sesuatu Negeri Borneo atau di Singapura) dan dihukum penjara selama tempuh tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan ia tidak mendapat ampun; atau
- (f) ia telah dengan sengaja memperolehi kewarganegaraan suatu negeri asing, atau telah dengan sengaja menggunakan hak-hak kewarganegaraan di mana-mana negeri di luar Persekutuan atau telah membuat sesuatu akuan taat setia kepada suatu negeri asing.

(2) Undang-Undang persekutuan boleh membuat peruntukan bagi menghilangkan kelayakan menjadi ahli mana-mana Majlis Parlimen selama tempuh yang dinyatakan oleh undang-undang itu bagi orang yang melakukan kesalahan berhubung dengan pilihanraya; dan sesiapa yang telah disabitkan suatu kesalahan itu atau dibuktikan dalam pembicaraan berhubung dengan sesuatu pilihanraya sebagai telah melakukan suatu perbuatan yang menjadikan kesalahan itu, adalah hilang-kelayakannya selama tempuh yang dinyatakan sedemikian.

(3) Hilang-kelayakan seseorang di bawah perenggan (d) atau perenggan (e) Fasal (1) boleh dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong dan jika sekiranya tidak dibatalkan sedemikian, hilang-kelayakan itu hendaklah terhenti pada akhir tempuh lima tahun yang dikira mulai dari tarikh penyata yang tersebut dalam perenggan (d) itu dikehendaki dihantar, atau, mengikut mana yang berkenaan, dari tarikh orang yang disabitkan sebagaimana tersebut dalam perenggan (e) dilepaskan daripada jagaan atau dari tarikh denda yang tersebut dalam perenggan (e) itu dikenakan ke atas orang itu; dan seseorang tidak boleh hilang-kelayakan di bawah perenggan (f) Fasal (1) semata-mata oleh sebab sesuatu yang dilakukan olehnya sebelum ia menjadi warganegara.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

JADUAL KETUJUH

PEMILIHAN DAN PERSARAAN AHLI-AHLI DEWAN NEGERA

Perkara 45

Bahagian 1

PEMILIHAN AHLI-AHLI DEWAN NEGERA

1. (1) (Dimansuhkan)

(2) Setiap kali berlaku kekosongan angara ahli-ahli Dewan Negara yang dipilih oleh Negeri, Yang di Pertuan Agong hendaklah memberi notis kepada Raja atau Yang di Pertua Negeri itu bahawa seorang ahli Dewan Negara adalah dikehendaki dipilih, dan Raja atau Yang di Pertua itu hendaklah meminta Dewan Negeri memilih seorang ahli Dewan Negara dengan seberapa segera yang boleh.

2. (1) Nama calon-calon untuk dipilih hendaklah dicadang dan disokong oleh ahli-ahli Dewan Negeri dan ahli yang mencadang atau ahli yang menyokong itu hendaklah menghantar suatu kenyataan dengan bertulis, ditandatangani oleh orang yang dinamakan itu, bahawa ia bersetuju untuk berkhidmat sebagai seorang ahli Dewan Negara jika dipilih.

(2) Apabila semua namaan telah diterima, pegawai pengetua hendaklah mengumumkan nama orang-orang yang dinamakan itu mengikut susunan abjad dan kemudiannya hendaklah mengundi nama-nama mereka mengikut susunan itu.

(3) Tiap-tiap seorang ahli yang hadir adalah berhak mengundi sebanyak bilangan calon yang ada mengikut bilangan kekosongan yang akan dipenuhi itu, dan nama ahli-ahli yang mengundi tiap-tiap seorang calon hendaklah direkodkan; dan jika mana-mana ahli membuang undi selain daripada undi yang dibenarkan oleh seksyen-kecil ini maka undi itu adalah terbatal.

(4) Pegawai pengetua hendaklah mengisytiharkan sebagai dipilih calon atau calon-calon yang mendapat bilangan undi yang banyak sekali, tetapi jika dua orang calon atau pun lebih mendapat bilangan undi yang sama banyaknya dan bilangan calon lebih besar daripada bilangan kekosongan yang akan dipenuhi maka pemilihan calon-calon itu hendaklah diputuskan dengan cara cabut undi.

3. Walau apa pun yang terkandung dalam seksyen 2, jika suatu kekosongan yang disebabkan oleh habis tempuh jawatan ahli Dewan Negara akan dipenuhi pada mesyuarat yang sama seperti suatu kekosongan yang berlaku dengan apa-apa cara lain, maka pemilihan hendaklah pertamanya diadakan bagi memenuhi kekosongan yang disebabkan oleh habis tempuh jawatan itu dan kemudiannya suatu pemilihan yang berasingan untuk memenuhi kekosongan yang satu lagi itu.

4. Pegawai pengetua hendaklah memperakui kepada setiausaha Dewan Negara, dengan bersurat yang ditandatangani, nama orang yang dipilih sebagai ahli Dewan Negara mengikut peruntukan-peruntukan Jadual ini.
5. Jika berbangkit apa-apa soal samada seorang ahli Dewan Negara telah dipilih dengan sempurna mengikut peruntukan-peruntukan Jadual ini maka soal itu hendaklah diputuskan oleh Dewan Negara dan keputusannya itu adalah muktamad, tetapi jika sesuatu pemilihan di bawah seksyen 1(2) tidak diadakan dengan seberapa segera yang boleh maka hal itu tidaklah dengan sendirinya membatalkan pemilihan seseorang ahli Dewan Negara.

Bahagian 2

PERSARAAN AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

6. (Dimansuhkan)
7. (Dimansuhkan)
8. Tempuh jawatan bagi seseorang yang dipilih atau dilantik untuk menggantikan seseorang yang telah mati atau yang telah terhenti menjadi ahli Dewan Negara sebelum habis tempuh jawatannya ialah selama baki tempuh jawatan itu.

Bil: DUN/PP/349

**SECOND MEETING OF THE FOURTH SESSION OF THE FOURTH
LEGISLATIVE ASSEMBLY, PENANG, TO BE HELD ON MONDAY,
29TH AUGUST, 1977, AT 9.30 A.M. AT THE LEGISLATIVE
ASSEMBLY CHAMBERS, LIGHT STREET, PENANG**

ORDERS OF THE DAY

1. The Prayer.
2. Taking of Oath by Y.B. Encik Abdul Rahman bin Haji Abbas under Article 21 of the Constitution of Penang.
3. Presentation of Papers.

No. 5 of 1977 - Second Supplementary Estimates for the year, 1977.

4. QUESTIONS:

(A) (Oral):

(I) Hon'ble Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak to ask the Chief Minister:-

1. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House that out of the \$1,311 million allocation for the Third Malaysia Plan, how much of it has been received from the Federal Government to date?
2. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House what is the main project in the agricultural sector under the Third Malaysia Plan which has been in the process of implementation for nearly 1½ years now?
3. Is the Government aware that there are hundreds of acres of land in Guar Perahu, Permatang Pasir, Permatang Pauh, Kampong Pertama dan Kampong Setol, Prai which have not been cultivated by the padi planters for the following reasons:-
 - (i) Insufficient water from the irrigation canals.
 - (ii) Rat menace.
 - (iii) Exploitation from the land owners.

If so, what are the steps taken by the Government to overcome the above problems?
4. Under the Third Malaysia Plan, 7 housing projects would be implemented according to schedule and is expected to incur \$34.442 million. Initially, 2,264 units will be built. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House when will the following projects be implemented:-

- (i) the project in Bagan Ajam, P.W.N.
- (ii) the project in Kampong Baharu, Alma, P.W.C.
- (iii) the project in Kampong Tebu, P.W.S.

5. Does the Government plan to metal and upgrade the following rural road under the Third Malaysia Plan with the co-operation of the Jabatan Kerja Raya:-

- (i) Jalan Haji Murshid in Pekan Darat.
- (ii) Jalan Permatang Che Tak in Sungei Dua.
- (iii) The road to Permatang Sintok School, Kepala Batas.

(II) Hon'ble Encik Md. Noor bin Ahmad to ask the Chief Minister:-

1. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House whether there are any refugees from Vietnam who have sought shelter in Penang?
2. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House whether the State Government intend to increase the number of scholarships to students pursuing further Islamic studies in local and foreign Universities?
3. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House whether the State Government intend to publish the 'Majallah Suara Pulau Pinang' for distribution to the public in the State to keep them informed on the policies of the Government?
4. Has the Government any plans to renovate the Penang House in Kuala Lumpur so that it befits the status as a PENANG HOUSE?

(III) Hon'ble Encik Wong Choong Woh to ask the Chief Minister:-

1. Is the Government aware that floods are an annual occurrence in Jalan Sungei Pinang, Jalan Maqbul and other low-lying areas in its vicinity? If the Government is indeed aware of this, what steps or plans (if any) have been taken or will be taken as a long-term solution to alleviate floods in these areas?
2. Although there are private roads taken over by the State Government, these roads have not been maintained. Can the Hon'ble Chief Minister enlighten the House on this matter?
3. Can the Hon'ble Chief Minister inform the House to what extent the present rather stringent building by-laws have been relaxed and made more flexible to attract private developers to participate in low-cost housing schemes in particular for the lower income group?

4.(i) Can the Hon'ble Chief Minister inform the House how successful so far has been its attempts to seek the approval of the Federal Government for the implementation of its proposed Tourist Documentation Scheme?

(ii) If it is not too premature, would the Hon'ble Chief Minister venture at this juncture to give his opinion to the House whether the Federal Government is lending a favourable ear to the request of the State Government or not?

(IV) Hon'ble Encik Ong Yi How to ask the Chief Minister:-

1. In view of the rapid development in Province Wellesley, the Municipal Council, Province Wellesley has not been able to provide adequate services to the public due to the shortage of funds to recruit more staff. Will the State Government consider making a special grant or other financial assistance to help the Municipal Council, Province Wellesley so that it will in turn provide better services for the public?

2. Can the Government extend the term of office of the Councillors in our State to three years so as to give them more confidence to play their roles and discharge their responsibilities in a more effective manner?

3. Has the State Government set up a committee to help the Municipal Council in discharging their duties and responsibilities? If so, please give the name and functions of the committee and its members.

4. In view of the fact that all roads in Butterworth have become very much too congested for the use of the public, especially during the school holiday period, will the Government carry out a survey on traffic system in Butterworth with a view to reduce the traffic jam and road accidents?

5. Will the Government work out plans to widen Jalan Kampong Benggali, Butterworth in view of the rapid business development there?

6. Is the Government aware that the scavenging disposal problems have become very serious today in Butterworth due to the rapid growth of population in Butterworth? If so, will the State Government consider giving financial help to the Municipal Council, Province Wellesley to build an incinerator and purchase more lorries to solve the problem?

7. In view of the fact that housing development in the private sector has grown very fast today in Butterworth, will the Government request the State Planning Officer to draw up a zoning or rezoning plans for Butterworth with a view to enable the development in Butterworth be carried out with minimum delay?

8. In view of differences of duties and responsibilities the State Government has given to the Municipal Council, Penang Island and the Municipal Council, Province Wellesley, such as road and drain authority, will the State Government review this matter so that both the Municipal Council in our State will be given the same role to play?
9. Since the cycle track in Jalan Uda, Butterworth, has now been completed, will the Government consider taking steps to enable cyclists to make full use of the track; such as erecting signboards and drawing two white lines along the road so that the public will not obstruct the use of the track?
10. Will the Hon'ble Chief Minister let the House know the progress of negotiation the State Government has so far carried out with the Federal Government for the establishment of "duty-free" shopping centre in Penang?
11. Has there been any negotiation between the State Government and the Federal Government for the issue of bonds or debentures so as to enable our State to raise funds for our projects in Penang? If so, will the Government outline the result of such negotiation.
12. What is the total estimated costs for the construction of Phase 1-B in Komtar and how will the Government through its agency raise the funds for such project? Is there any difficulty in implementing such project and if so, will the Government let the House know what the difficulties are confronting the Penang Development Corporation in implementing these projects?
- 13.(i) What is the cause for the delay in implementing the low-cost housing projects in Bagan Ajam and Jalan Mohd. Saad?
(ii) When will tenders for the above projects be called?
14. How many tenders have been called to date for the construction of low-cost housing schemes in our State? Please indicate the location of each of the schemes. How many tenders will be called for the construction of these schemes in this year and also in 1978?
15. In his gracious speech during the last sitting of this House in May, 1977, His Excellency the Yang di-Pertua Negeri stated that "By the end of this year, 1977, the Government will have completed 2,327 units housing programme and ready for occupation". What steps have been taken by the Government to achieve this target? Do the 2,327 housing units include housing schemes implemented by the P.D.C.? If so, can the Government give the number of housing units built by the P.D.C. and the State Housing Department including transitional houses?
